

BULETIN

Memajukan Pembangunan Sosial
Melalui Pemerksaan Komuniti



APPGM-SDG

**MODEL DAN PEMERKASAAN
PENYERTAAN 30% WANITA:
DARIPADA KOMITMEN GLOBAL KEPADA REALITI TEMPATAN**

YB Puan Rodziah Ismail
Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG;
Ahli Parlimen Ampang

Kolum Dari Parlimen
ke Akar Umbi

**Model dan Pemerksaan
Penyertaan 30% Wanita:
Dari pada Komitmen
Global kepada Realiti
Tempatan**

03

Suara dari Akar Umbi

**Hak Wanita adalah Hak
Asasi Manusia: Realisasi
Praktikal Kesaksamaan
Gender**

07

Suara dari Akar Umbi

**Daripada Niat Kepada
Harapan: Menghidupkan
Peluang Ekonomi
Pelancongan Komuniti
di Pasoh**

09

KANDUNGAN

Suara dari Akar Umbi

**Di Sebalik Ladang:
Transformasi Mata
Pencarian Melalui
Projek Itik Penelur**

11

Sorotan Acara

**Meniti Jurang
Pembangunan:
Cabaran Infrastruktur
dan Sosioekonomi di
Parlimen Sepanggar**

13

Sorotan Acara

**Memperkuh
Kerjasama
Dwipartisan
Pembangunan
Mampan**

15

Sorotan Acara

**Kuasa Ekosistem:
Berkongsi Model
Penyetempatan SDG
Malaysia dengan
Rakan Kerjasama
ASEAN**

16

Sorotan Acara

**Memacu Inklusiviti:
Menghubungkan Kegusaran
Masyarakat India Malaysia
dengan Matlamat
Pembangunan Mampan**

17

**Lawatan Projek APPGM-SDG
Parlimen Tuaran: Menilai
Impak Transformasi Ekonomi
dan Kelestarian**

18

Sorotan Acara

**Sokongan Diraja terhadap
Tindakan Tempatan: APPGM-
SDG Sembah Maklum Intervensi
Dasar Kuala Nerus kepada DYT
Yang Di-Pertuan Muda
Terengganu**

20

**Ahli Parlimen Turun
Padang**

21

Pasukan Editorial:

Penyunting

Hirzawati Atikah Mohd Tahir

Pereka Kulit dan
Pereka Susun Atur

Kezia Sim Kui Ting
Hirzawati Atikah Mohd Tahir

**Ikuti Kami untuk
Maklumat Lanjut**



@APPGMSDGMY



APPGM-SDG Secretariat



@appgm_sdg



@appgmsdg



MODEL DAN PEMERKASAAN PENYERTAAN 30% WANITA: DARIPADA KOMITMEN GLOBAL KEPADA REALITI TEMPATAN

Oleh YB Puan Hajah Rodziah Ismail
(Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG; Ahli Parlimen Ampang)

Penyertaan wanita dalam barisan kepimpinan dan domain pembuatan dasar bukan lagi sekadar tuntutan kesaksamaan tetapi keperluan strategik dalam memastikan pembangunan negara yang inklusif, seimbang, berdaya saing, berdaya tahan dan mampan. Meskipun Malaysia sudah lama menegaskan komitmen untuk memenuhi sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita dalam kedudukan membuat keputusan, realiti di lapangan menunjukkan bahawa masih banyak perlu dilakukan untuk mencapai sasaran ini secara menyeluruh dan sekata rentas sektor dan industri. Ironinya, wanita Malaysia merupakan antara yang terbaik di rantau Asia-Pasifik dari segi akses kepada dan pencapaian dalam pendidikan. Ini bermakna isu utama kita bukanlah kekurangan bakat tetapi kegagalan struktural untuk menterjemahkan tahap akademik dan kemahiran dalam kalangan wanita kepada pemimpin dan pembuat dasar.

Sasaran kuota 30% bukanlah satu angka arbitrari atau retorik namun berdasarkan prinsip "*critical mass*" iaitu ambang minimum penyertaan yang membolehkan suara wanita benar-benar mempengaruhi dalam pembuatan keputusan, bukan sekadar simbolik atau bersifat pelengkap. Banyak kajian antarabangsa menunjukkan bahawa organisasi dan institusi dengan perwakilan wanita dan kepelbagaian gender yang signifikan cenderung menunjukkan ciri-ciri berikut:

1. Tadbir urus atau tata kelola yang lebih baik dan berintegriti
2. Keputusan yang bukan sahaja kurang berisiko malah lebih cocok, inklusif dan lestari
3. Prestasi ekonomi atau kewangan serta tahap inovasi dan kreativiti yang lebih memberangsangkan dalam jangka masa sederhana dan panjang
4. Persekitaran kerja yang lebih kondusif dan produktif

Bukan sahaja pemeraksanaan wanita perlu dilihat sebagai salah satu komponen agenda pembangunan negara, malah lebih penting, komitmen global yang telah kita persetujui. *Sustainable Development Goals* atau Matlamat Pembangunan Mampan yakni SDG 5: Kesaksamaan Gender jelas menggariskan bahawa wanita mesti mempunyai penyertaan penuh dan efektif dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan. Namun persoalannya, di manakah kita hari ini?

Tiga Medan Kritikal: Mencari Lonjakan Reformasi Lebih Nekad dan Bersemangat

Sektor Korporat: Dari Sasaran kepada Akauntabiliti
Meskipun kita tidak dapat nafikan kemajuan dari segi penyertaan wanita dalam sektor korporat terutama di peringkat pengurusan pertengahan, jurang masih ketara di peringkat lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi/kanan. Walaupun wanita kini memegang sekitar 31.4% kerusi lembaga pengarah di 100 syarikat tersenarai utama atau dari perspektif lain, 62 daripada 100 syarikat utama ini telah mencapai 30% penyertaan wanita di peringkat lembaga pengarah, masih banyak lembaga pengarah di syarikat-syarikat lain terutama yang tidak tersenarai di pasaran saham, belum mempunyai



sebarang wakil wanita langsung. Justeru, pendekatan perlu dirombak yakni daripada dasar umum kepada sasaran bersifat khusus atau daripada sekadar 'galakan' kepada 'akuntabiliti' yang jelas untuk memastikan kesinambungan, keberlanjutan malah peningkatan. Pendekatan ini perlu dilihat sebagai pelaburan jangka panjang dalam daya saing korporat, bukan sekadar pematuhan wajib terhadap undang-undang dan peraturan.

Antara langkah-langkah strategik yang boleh diperkasakan termasuk:

- Penetapan sasaran mandatori atau *"comply or explain"* bagi syarikat tersenarai
- Program pembangunan bakat wanita (*women leadership pipeline*)
- Dasar tempat kerja mesra keluarga dan fleksibiliti kerja
- Insentif khusus buat syarikat yang mencapai atau melebihi sasaran 30%

Pentadbiran dan Perkhidmatan Awam: Mengekalkan Momentum

Meskipun hampir 40% penjawat awam terdiri daripada wanita merupakan satu pencapaian yang boleh kita banggakan, *"we cannot rest on our laurels"*. Seterusnya, kita perlu persoalkan:

- Adakah penjawat awam wanita ini terlibat dalam pembuatan dasar utama atau hanya dalam peringkat pelaksanaan?
- Berapa ramai wanita yang memenuhi jawatan paling kanan dan strategik?

Antara cadangan penambahbaikan yang boleh dipertimbangkan termasuk:

- Laluan kerjaya yang lebih jelas dan telus ke jawatan peringkat kepimpinan dan pembuatan dasar
- Program mentor-mentee khusus untuk pegawai wanita berpotensi tinggi dengan sistem sokongan berstruktur
- Sistem penilaian prestasi yang mengambil kira kepelbagaian dan inklusiviti
- Penyesuaian dasar kerja bagi menyokong keseimbangan kerja-kehidupan

Pendekatan ini bukan sahaja mampu memperkasa wanita malah meningkatkan kecekapan keseluruhan sistem pentadbiran.

Arena Politik dan Perwakilan Awam: Jurang Paling Ketara
Walaupun hampir separuh daripada populasi dan pengundi di Malaysia merupakan wanita, representasi mereka dalam arena politik hari ini amat mengecewakan:

- Ahli Parlimen wanita hanya berlegar di sekitar 13.5% berbanding purata global yang melebihi 25%, malah banyak negara telah mencapai atau menghampiri sasaran 30%
- Wanita diberi kepercayaan untuk memegang tidak sampai 20% jawatan menteri kabinet Kerajaan Persekutuan

Cabaran penyertaan wanita lebih rumit dan kompleks kerana melibatkan pelbagai faktor struktural, budaya dan persepsi masyarakat. Justeru, kita tidak boleh lagi bergantung kepada perubahan secara semula jadi tetapi perlu memperkenalkan mekanisme intervensi yang terbukti berkesan di banyak negara lain termasuk:

- Kuota minimum calon wanita diwajibkan terhadap setiap parti politik yang berhasrat menyertai pilihan raya
- Reformasi sistem pilihan raya secara menyeluruh
- Dana khas untuk membiayai kos kempen secara keseluruhan di samping pelbagai bentuk sokongan dan bantuan lain sebagai pelaburan jangka panjang negara, bukan kos semata-mata
- Program latihan dan pembangunan kemahiran untuk mencungkil dan membina bakat-bakat kepimpinan wanita secara sistematik khususnya dalam arena politik

Penyertaan wanita dalam politik bukan sekadar diilustrasikan dengan bilangan wakil rakyat namun apa yang lebih mustahak, bagaimana wakil rakyat wanita dapat memastikan dasar awam mencerminkan realiti di lapangan dan memenuhi keperluan rakyat secara umum.

Meskipun sasaran sekurang-kurangnya 30% penyertaan wanita telah lama digariskan, namun realitinya, walaupun ada kemajuan, kita masih berdepan dengan jurang yang nyata khususnya dalam arena politik secara keseluruhan dan dalam kalangan pembuat keputusan tertinggi sama ada dalam sektor korporat atau pentadbiran dan perkhidmatan awam. Harus diingat, cabaran utama bukan hanya pada dasar, tetapi juga pada pelaksanaan, budaya organisasi dan ekosistem sokongan yang masih belum menyeluruh. Persoalan

sebenarnya bukan lagi “apa yang kita mahu capai”, tetapi “mengapa kita masih belum mencapainya”. Justeru, selain daripada komitmen antarabangsa yang dimeterai dan pengalaman negara-negara lain dalam memenuhi agenda pemerksaan wanita, “closer to home”, wujud bukti kejayaan di peringkat negeri yang boleh kita jadikan inspirasi dan teladan.



Membangunkan dan Memperkasa Wanita Berdaya: Dari Negeri Selangor ke Peringkat Nasional

Inisiatif Wanita Berdaya Selangor (WBS) merupakan bukti ampuh bahawa pendekatan atau model berasaskan komuniti mampu memberikan impak besar, nyata dan berakar terhadap pemberdayaan wanita dari peringkat akar umbi ke peringkat tertinggi. Model WBS bukan sekadar konsep malah bukti empirikal bahawa mekanisme intervensi yang bersesuaian dan tepat pada masanya mampu mengubah segalanya. Berikut merupakan antara pencapaian utama WBS:

- Pelaksanaan “Gender-Responsive Budgeting” (GRB) telah menjadikan Selangor antara perintis di Malaysia dengan perspektif gender dalam perbelanjaan awam
- “Gender Mainstreaming Pilot Project” telah memperkukuh integrasi gender dalam dasar dan pentadbiran negeri
- Penubuhan *Women Leadership Academy* atau Akademi Kepimpinan Wanita (AKW) telah melatih wanita dalam kepimpinan dan pembuatan dasar
- Pembentukan *Selangor Women Assembly* (SIWANIS) menjadi platform akar umbi yang memberi ruang dan peluang kepada wanita memahami dan terlibat dalam proses penggubalan dan pelaksanaan dasar



Alhamdulillah, hasilnya, Selangor berjaya meningkatkan:

- kadar penyertaan tenaga kerja (*labour force participation rate*) wanitanya sehingga mencecah 69.8%, jauh lebih tinggi berbanding purata nasional sekitar 58.5% pada 2025
- peratusan wanita dalam jawatan pengurusan kepada 33.4% pada 2025

Bukan sekadar nombor dan angka, ini semua bukti bahawa apabila sesuatu dasar disokong oleh ekosistem dan infrastruktur yang sepadan, wanita bukan hanya setakat melibatkan diri malah mampu menyerlah sebagai pemimpin. Justeru, amat wajar model ini dinaik taraf dan ditambah nilai untuk diskalakan ke peringkat nasional atau diperluaskan sebagai kerangka nasional.

Cadangan Penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di 222 Kawasan Parlimen di Seluruh Negara

Demi memastikan pendekatan berskala, bersepadu dan mampan di samping memperluas keberhasilan secara menyeluruh, dicadangkan penubuhan Pusat Wanita Berdaya (PWB) di kesemua 222 kawasan Parlimen untuk memenuhi fungsi-fungsi berikut:

1. Hab pembangunan ekonomi wanita yang menyediakan:
 - a. latihan bagi pelbagai kemahiran terutama berkaitan keusahawanan dan kewangan serta agenda digitalisasi
 - b. akses kepada pelbagai bentuk sokongan dan bantuan termasuk penyertaan wanita dalam industri pertumbuhan dan bernilai tinggi (*high-growth, high-value*); pasaran untuk jualan dan pembiayaan/dana
 - c. inkubator perniagaan mikro, kecil dan sederhana khusus buat wanita
2. Platform dan hab kepimpinan yang menyediakan:
 - a. latihan politik dan kepimpinan bagi semua peringkat bermula dari akar umbi dan komuniti sehingga ke peringkat tertinggi dalam sektor korporat, pentadbiran dan perkhidmatan awam serta politik dan perwakilan awam
 - b. pendedahan kepada proses penggubalan dan pelaksanaan undang-undang dan dasar awam termasuk berkaitan hak-hak wanita dan kesaksamaan gender
 - c. jaringan dan rangkaian sokongan antara wanita rentas sektor dan industri

3. Platform data untuk membantu pemantauan dan penilaian yang menjadi:
 - a. pusat pengumpulan data lokal atau setempat berkenaan hal ehwal penyertaan wanita
 - b. pusat pemantauan pelaksanaan program dan aktiviti serta penilaian impak dan hasilnya secara berkala
 - c. penyedia sokongan dan bantuan bagi pembentukan dasar-dasar berteraskan bukti
4. Pusat sokongan sosial bersepadu (kebijakan, kesejahteraan dan kemaslahatan) yang menyediakan:
 - a. sokongan dan bantuan buat golongan rentan termasuk kanak-kanak, ibu tunggal, warga emas dan OKU
 - b. khidmat nasihat, kaunseling, bimbingan dan sokongan psikososial lain
 - c. program mencapai keseimbangan di antara kerja dan keluarga/kehidupan

Bagi memastikan kecekapan dan keberkesanan, pelaksanaan PWB ke arah mencapai sasaran 30% perlu disokong melalui:

- Kerjasama erat di antara pelbagai pihak berkepentingan termasuk kerajaan Persekutuan dan Negeri, pihak berkuasa tempatan, sektor swasta dan NGO
- Peruntukan dan dana khusus secara berterusan dan mampan untuk membiayai pelbagai bentuk perbelanjaan pembangunan dan operasi termasuk program dan aktiviti
- Pemantauan dan penilaian berterusan dengan petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas dan tuntas
- Pendekatan setempat (*localised approach*) yang mengambil kira karakteristik istimewa dan keperluan unik setiap kawasan Parlimen



Pendekatan sebegini memastikan dasar tidak bersifat "one-size-fits-all" tetapi responsif terhadap realiti dan keunikan setempat. Hakikatnya, cadangan penubuhan PWB di 222 kawasan Parlimen satu langkah bijak, logik dan strategik memandangkan ia berpotensi:

- menyokong dan membantu pencapaian sasaran SDG 5 secara langsung. Sebagai contoh, PWB boleh menjadi instrumen pelaksanaan SDG 5.5 yakni penyertaan wanita dalam kepimpinan dan pembuatan keputusan di peringkat akar umbi.
- merapatkan malah menutup jurang struktural. Dengan menyediakan program latihan, rangkaian dan jaringan antara wanita serta sokongan dan bantuan dalam pelbagai bentuk, PWB mampu mengatasi halangan sistemik yang selama ini menghalang wanita daripada naik ke peringkat kepimpinan.
- membina "*leadership pipeline*" nasional. Dari akar umbi dan komuniti ke Parlimen, kita bakal membina rantai bakat-bakat wanita secara lancar, berterusan dan mampan.



Kesimpulan: Dari Retorik kepada Tindakan

Kita tidak boleh lagi melihat agenda wanita dan kesaksamaan gender sebagai agenda sampingan tetapi agenda nasional kerana apabila wanita diperkasa, keluarga menjadi lebih sejahtera dan sentosa, komuniti lebih kohesif dan bersatu-padu manakala negara lebih teguh dan makmur. Sasaran 30% sepatutnya bukan lagi aspirasi atau matlamat akhir tetapi sebagai titik minimum untuk dicapai dalam konteks global hari ini. Sekiranya kita benar-benar serius untuk mencapai SDG 5 di samping membina Malaysia yang benar-benar inklusif, seimbang dan saksama, kita mesti berani membuat perubahan, beralih daripada sekadar menggubal dasar yang baik kepada pelaksanaan yang konsisten dan penuh tekad, berbekalkan iltizam politik, ketabahan tulen dan usaha gigih.

Memperkasakan penyertaan wanita sehingga mencapai sekurang-kurangnya 30% dalam kepimpinan dan pembuatan dasar bukan sekadar memenuhi komitmen antarabangsa malah merupakan langkah strategik untuk masa depan negara. Dengan memperkukuh tiga medan utama iaitu korporat, perkhidmatan awam dan politik di samping memperluas model Wanita Berdaya melalui penubuhan Pusat Wanita Berdaya di seluruh negara, Malaysia berpotensi membina ekosistem yang benar-benar inklusif, adil dan berdaya tahan.



HAK WANITA ADALAH HAK ASASI MANUSIA: REALISASI PRAKTIKAL KESAKSAMAAN GENDER

Oleh Omna Sreeni-Ong
(Ketua Sekretariat, APPGM – Kesaksamaan Gender;
Pengerusi Bersama Perikatan CSO-SDG Malaysia;
Pengasas dan Perunding Utama, ENGENDER)

Kesaksamaan gender dan pemerasaan wanita merupakan pemacu pembangunan mampan dalam semua dimensinya. Tanpa memberikan hak kepada wanita dan kanak-kanak perempuan, kemajuan pasti akan terbantut dan Agenda 2030 akan berada dalam bahaya. Secara ringkasnya, pembangunan mampan tidak akan tercapai jika halangan ketara dan tidak ketara yang menyekat separuh daripada populasi tidak ditangani. Perkara ini selaras dengan prinsip teras Agenda 2030 iaitu "Tiada Sesiapa Yang Ketinggalan" (*Leaving No One Behind*), yang bermaksud mengutamakan kemajuan komuniti yang paling terpinggir — di mana wanita dan kanak-kanak perempuan sering kali berada di kedudukan teratas dalam senarai tersebut. Memajukan kesaksamaan gender memerlukan pendekatan transformatif untuk menamatkan semua bentuk diskriminasi langsung dan tidak langsung terhadap wanita dan kanak-kanak perempuan.

Kumpulan wanita dan lelaki yang berbeza mengalami kehidupan yang berbeza disebabkan oleh identiti pelbagai mereka (jantina, umur, ketidakupayaan, status perkahwinan, etnik, kewarganegaraan, pekerjaan, pendidikan dll) yang bertindih dengan norma sosial, sekali gus merumitkan lagi tahap kekurangan yang mereka alami. Di peringkat global dan di Malaysia, adalah terbukti secara fakta bahawa wanita dan kanak-kanak perempuan terus mengalami kekurangan secara tidak seimbang. Pengiktirafan

terhadap isu pelbagai dimensi yang dihadapi, terutamanya oleh mereka yang sedang dan berisiko terpinggir, adalah sangat kritikal. Ini memerlukan penyediaan intervensi bersepadu untuk memutuskan kitaran ganas ini dan bertindak balas terhadap pengalaman penyisihan serta kekurangan yang saling bergantung antara satu sama lain. Pemahaman tentang perkaitan ini memerlukan kita melihat kemajuan, jurang, dan cabaran kesaksamaan gender bukan hanya pada SDG 5, tetapi merentasi Agenda 2030 secara keseluruhan.

Tema Hari Wanita Antarabangsa 2026 adalah sangat tepat iaitu Hak. Keadilan. Tindakan untuk semua wanita dan kanak-kanak perempuan. Tiada negara atau masyarakat yang boleh mencapai kemakmuran apabila separuh daripada populasinya terpinggir.

Seorang kanak-kanak perempuan yang dilahirkan dalam isi rumah miskin (Sasaran 1.2) dan dipaksa berkahwin awal (Sasaran 5.3) lebih cenderung untuk tercicir daripada sekolah (Sasaran 4.1), bersalin pada usia muda (Sasaran 3.7), mengalami komplikasi semasa bersalin (Sasaran 3.1), dan mengalami keganasan (Sasaran 5.2) berbanding kanak-kanak perempuan daripada isi rumah berpendapatan tinggi yang berkahwin pada usia lewat. Di penghujung rantaian peristiwa ini, kanak-kanak perempuan yang dilahirkan dalam kemiskinan tersebut hampir tidak mempunyai peluang untuk keluar daripadanya.

Seorang wanita yang meninggalkan hubungan yang mendera memerlukan akses kepada keadilan (Sasaran 16.3) serta tempat tinggal yang selamat (Sasaran 11.1), penjagaan perubatan (Sasaran 3.8), dan pekerjaan yang layak (Sasaran 8.5) supaya dia dapat mengekalkan taraf hidup yang mencukupi bagi dirinya dan mana-mana tanggungan yang dimilikinya.

Akses kepada pekerjaan yang layak dan pendapatan tetap di tangan wanita, sebagai contoh, bukan sahaja menyumbang kepada pengurangan kemiskinan (SDG 1) tetapi juga menyokong hasil pendidikan, kesihatan, dan pemakanan yang lebih baik untuk wanita dan kanak-kanak perempuan (SDG 2, 3 dan 4).

(Sumber: UN Women 2018, *Turning Promises into Action*)



Walaupun Malaysia telah mengorak langkah dalam reformasi perundangan dan dasar dalam usahanya untuk memberikan perlindungan dan pembelaan yang lebih besar, cabaran serta halangan berterusan tetap ada, yang menjejaskan kumpulan rentan dan terpinggir dalam populasi, terutamanya wanita dan kanak-kanak perempuan — sepanjang kitaran hayat mereka. Wanita di Malaysia terus menghadapi halangan struktur dan budaya yang berlarutan dalam bidang ekonomi dan politik. Mereka adalah miskin secara tidak seimbang; kurang mendapat penjagaan kesihatan yang holistik, berkesan dan tepat pada masanya; bantuan guaman dan keadilan; kesedaran serta akses berkesan kepada perkhidmatan sokongan; ditambah pula dengan prasangka sosio-budaya yang mendalam yang menghalang suara dan agensi mereka.

Walaupun bagaimanapun, kepelbagaian wanita dan kanak-kanak perempuan di Malaysia — daripada petani luar bandar di Sabah dan komuniti Orang Asli di pedalaman Semenanjung Malaysia sehinggalah kepada pekerja bandar berpendapatan rendah di Petaling Jaya — melambangkan daya tahan yang luar biasa meskipun berdepan halangan sistemik yang berterusan. Seperti saudara wanita mereka di seluruh rantau dan dunia, wanita Malaysia semakin tampil ke hadapan, menepis kekangan budaya dan tradisi berterusan yang telah membentuk sikap serta tingkah laku patriarki, di mana kebanyakannya

berisiko diturunkan dari satu generasi ke generasi yang lain. Momentum yang semakin meningkat ini menekankan betapa pentingnya kesaksamaan gender sebagai batu asas pembangunan yang inklusif dan mampan.

Dalam konteks ini, peranan ahli parlimen yang semakin berkembang dalam membentuk agenda kesaksamaan gender untuk demokrasi yang lebih kuat menjadi semakin jelas. Sejak 2021, kerja-kerja APPGM-SDG telah menunjukkan kemajuan nyata dalam melokalisasikan Matlamat Pembangunan Mampan di kawasan parlimen, di mana sebahagian besar projek berorientasikan penyelesaian menyokong pemerksaan wanita.

Melengkapi usaha ini, APPGM-Kesaksamaan Gender yang ditubuhkan pada tahun 2025 memperkukuh lagi komitmen Parlimen dengan menerapkan pengarusperdaan gender merentasi struktur, dasar, proses, dan budaya institusinya. Secara bersama, inisiatif ini menandakan pendekatan parlimen yang lebih sengaja dan terlaras dalam memajukan kesaksamaan gender.

Kesimpulannya, perubahan transformatif hanya boleh berlaku apabila kita beralih daripada retorik kepada kepimpinan transformatif bagi membolehkan realisasi praktikal kesaksamaan dalam realiti kehidupan semua wanita dan kanak-kanak perempuan.



PAPARKAN KISAH ANDA



Mahukan kisah anda dipaparkan dalam buletin kami? Jom kongsi cerita anda sekarang.





DARIPADA NIAT KEPADA HARAPAN: MENGHIDUPKAN PELUANG EKONOMI PELANCONGAN KOMUNITI DI PASOH



Perubahan tidak selalu bermula dengan keyakinan, kadangkala, ia bermula dengan keletihan, keraguan dan satu niat kecil yang enggan padam. Sebagai anak tempatan Pasoh, saya menyaksikan sendiri bagaimana komuniti pernah berada dalam keadaan terpinggir. Bukan kerana mereka tidak berupaya, tetapi kerana terlalu lama tidak diberi ruang untuk mencuba. Ramai wanita, warga emas dan generasi FELDA memandangkan pertanian berskala kecil, akuakultur dan pelancongan komuniti sebagai sesuatu yang sukar serta tidak mampu menjamin pendapatan yang mampan.

Segalanya bermula daripada satu kepercayaan bahawa khazanah alam dan warisan Pasoh tidak wajar terbiar tanpa makna. Daripada rasa tanggungjawab itulah lahir usaha untuk menghubungkan pemeliharaan alam dengan pembangunan ekonomi melalui pelancongan komuniti dan pertanian lestari kebuniti. Walaupun langkahnya kecil dan sering diselubungi keraguan, inilah asas kepada perubahan yang mula berakar dalam komuniti. Tahun 2023 menjadi titik perubahan apabila APPGM-SDG menghulurkan sokongan.

Bantuan yang diterima bukan sekadar kewangan, tetapi suntikan harapan memberi isyarat bahawa usaha komuniti dilihat dan dihargai. Penglibatan saya sebagai Rakan Solusi APPGM-SDG lahir daripada keinginan untuk membantu komuniti Pasoh bangkit secara berperingkat, berdaya tahan dan berasaskan kekuatan mereka sendiri. Dari sinilah komuniti mula berani melangkah. Cabaran terbesar bukanlah soal dana atau prasarana, tetapi membangkitkan kembali kepercayaan komuniti terhadap diri mereka sendiri, dan membantu mengubah pemikiran (*mindset*) komuniti. Kemiskinan prasarana tidak membantutkan usaha kami. Sebaliknya, kekangan inilah yang menjadi penguat semangat untuk terus bergerak, berinovasi dan membuktikan bahawa perubahan tidak menunggu kesempurnaan ia bermula dengan keberanian.



Projek Pelancongan Komuniti Dan Kebuniti Pasoh, melalui pendekatan bersepadu pelancongan komuniti dan pertanian lestari kebuniti, dibangunkan sebagai satu ekosistem yang menghubungkan alam, makanan, budaya dan manusia. Pelancongan komuniti dijadikan ruang pembelajaran, pemulihan keyakinan dan penjana pendapatan. Pengusaha inap desa (*homestay*) dibimbing untuk meningkatkan kualiti penginapan, kebersihan dan pengalaman tetamu. Jurupandu tempatan dilatih untuk berkongsi kisah geo tapak, warisan setempat dan cara hidup komuniti secara beretika. Komuniti tidak lagi menjadi pemerhati, tetapi pelaku utama menerima tetamu, berkongsi cerita dan merasai hasil usaha sendiri. Di sinilah sumbangan kepada SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi) menjadi nyata. Namun dalam pengukuhan

pelancongan ini, muncul keperluan penting kebergantungan kepada bahan mentah luar menjejaskan kos dan kelestarian. Daripada keperluan inilah lahirnya kebuniti, iaitu pertanian lestari berskala kecil yang memanfaatkan ruang sekitar rumah dan inap desa. Kebuniti membekalkan bahan mentah untuk dapur inap desa, aktiviti gastronomi pelancongan dan kegunaan harian komuniti. Inisiatif ini menghidupkan SDG 2 (Sifar Kebuluran) dan SDG 12 (Pengeluaran dan Penggunaan Bertanggungjawab) di peringkat akar umbi. Dalam masa yang sama, pelbagai bengkel dan latihan dilaksanakan selari dengan SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) merangkumi motivasi, pengurusan inap desa, kebersihan, keselamatan serta pendigitalan promosi. Wanita yang dahulu hanya membantu kini berani memimpin mengurus inap desa, kebuniti dan menjadi jurupandu aktiviti komuniti mencerminkan SDG 5 (Kesaksamaan Ge).

Koperasi dan Sokongan Geran Strategik ditubuhkan apabila inisiatif komuniti semakin berkembang timbul keperluan untuk satu struktur yang lebih tersusun, telus dan mampan. Daripada kesedaran inilah pada 22 November 2023 tertubuhnya Koperasi Pelancongan Hanya D'Pasoh Berhad sebagai wadah kolektif yang menyatukan pengusaha inap desa, jurupandu tempatan, usahawan produk dan kebuniti dalam satu gerakan ekonomi sosial. Inisiatif ini menyokong SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan) dan SDG 17 (Perkongsian untuk Matlamat). Usaha berperingkat ini seterusnya menerima sokongan melalui geran strategik yang mengukuhkan keupayaan komuniti secara menyeluruh.

Pada Ogos 2024, koperasi telah menerima Geran Sejati MADANI (RM40,000) dimanfaatkan untuk pengukuhan warisan budaya dan pelancongan komuniti melalui pembelian alatan muzik kebudayaan, pakaian tradisi, khemah budaya serta sistem bunyi (*sound system*) bagi menyokong penganjuran aktiviti kebudayaan dan persembahan komuniti. Sementara itu, pada Oktober 2024, Geran Desa Lestari (RM1 juta) memberi tumpuan kepada pembangunan prasarana asas pelancongan, merangkumi pembinaan tandas awam, bilik seminar, asrama serta unit inap desa, yang menjadi asas kepada keselesaan pelawat, latihan komuniti dan kelangsungan operasi pelancongan komuniti Pasoh. Di samping itu, Pada Julai 2025 Geran SKM Jejak (RM12,500) digunakan bagi tadbir urus, pengukuhan kapasiti dan promosi, termasuk penyediaan bahan promosi dan sokongan pemasaran untuk memperluas capaian pelancongan komuniti.



Kami bermula dengan niat, kami bertahan dengan harapan. Dan hari ini, kami melangkah dengan keyakinan. Apa yang berlaku di Pasoh membuktikan bahawa SDG bukan sekadar agenda global atau laporan di atas kertas, ia hidup di peringkat akar umbi. Dalam tangan yang menanam, dalam rumah yang menerima tetamu, dan dalam komuniti yang memilih untuk bangkit bersama. Apabila manusia diberi kepercayaan, tanah diberi nilai dan warisan diberi makna, perubahan bukan lagi mimpi ia menjadi kehidupan, dan legasi untuk generasi akan datang. Dengan penuh rasa syukur, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada APPGM-SDG atas kepercayaan serta peluang yang diberikan kepada ATOA Enterprise yang berperanan sebagai Rakan Solusi. Sokongan yang diterima menjadi sumber kekuatan dan keyakinan pada saat usaha komuniti berdepan pelbagai kekangan. Kepercayaan ini telah menghidupkan semula harapan, menyuburkan usaha di peringkat akar umbi dan menjadi pemangkin kepada pergerakan komuniti Pasoh untuk terus melangkah secara mampan dan bermaruah.

*Oleh Norazlini Mohd Ali
(Rakan Solusi APPGM-SDG)*





DI SEBALIK LADANG: TRANSFORMASI MATA PENCARIAN MELALUI PROJEK ITIK PENELUR



Apabila saya menyertai projek ternakan itik penelur di bawah APPGM-SDG sebagai Rakan Solusi (SP), saya percaya sumbangan saya hanyalah bersifat teknikal—berkongsi ilmu, menyusun modul, dan memastikan pelaksanaan mengikut perancangan. Namun, saya segera menyedari bahawa perjalanan ini bukan sekadar pemindahan kemahiran, tetapi tentang berjalan seiringan dengan komuniti ketika mereka menemui semula potensi diri masing-masing.

Pada hari pertama, saya berdiri di hadapan para peserta yang wajahnya mencerminkan harapan dan ketidakpastian. Ada yang tidak pernah terlibat dalam bidang ternakan, manakala yang lain sedang mencari jalan secara diam-diam untuk menstabilkan pendapatan isi rumah. Pada ketika itu, SDG 1 (Tiada Kemiskinan) dan SDG 8 (Pekerjaan yang Baik dan Pertumbuhan Ekonomi) terasa sangat nyata. Peranan saya bukanlah untuk menjanjikan kejayaan, tetapi untuk membina laluan yang dibina berasaskan disiplin, pembelajaran, dan kepercayaan.

Apabila kami membentangkan pelan tindakan empat bulan—merangkumi pengurusan reban, jadual latihan, dan pemasaran—para peserta mula melihat bahawa ini adalah lebih daripada sekadar "membela itik." Ia adalah tentang membina mata pencarian yang mampan. Melalui Modul 1 mengenai Pertanian

Mampan, saya melihat perspektif mereka berubah daripada keliru kepada ingin tahu. Mereka menyedari bahawa pertanian mampan bukan sekadar menghasilkan makanan; ia adalah tentang melindungi alam sekitar, mengurangkan kos, dan meningkatkan kualiti makanan. Inilah SDG 2 (Kelaparan Sifar) dan SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran yang Bertanggungjawab) dalam tindakan. Bagi kebanyakan mereka, inilah kali pertama mereka memahami bagaimana tindakan kecil harian di ladang boleh memberi impak besar kepada keluarga, komuniti, dan alam sekitar.

Antara cabaran yang paling bermakna adalah memupuk keyakinan diri, terutamanya dalam kalangan peserta wanita. Pada mulanya, ramai yang teragak-agak untuk bersuara. Lama-kelamaan, melalui perbincangan yang inklusif dan pembelajaran praktikal, suara mereka menjadi lebih lantang. Menyaksikan transformasi ini mengingatkan saya mengapa SDG 4 (Pendidikan Berkualiti) dan SDG 5 (Kesaksamaan Gender) perlu diterapkan secara sengaja. Pembelajaran tidak akan berkesan melainkan setiap orang berasa dihargai dan diambil peduli.

Titik perubahan berlaku semasa lawatan tapak kami. Berdiri di tengah-tengah ladang berskala besar yang dikelilingi oleh ribuan itik, para peserta mula memahami bahawa setiap biji telur membawa kisah perancangan, kebersihan, dan disiplin. Di ladang itik penelur milik Nik Zulkifli Mat Yazid, peserta menyaksikan bagaimana disiplin, keberanian, dan perancangan yang teliti telah mengubah visi menjadi realiti. Kemudian, di sebuah ladang besar di Kuala Krai, melihat ribuan itik membuatkan mereka terdiam seketika. Mereka memerhati pengurusan reban, infrastruktur, dan sistem operasi, serta belajar secara langsung mengenai jaminan makanan luar bandar dan cabaran ekonomi yang dihadapi oleh petani tempatan. Menjelang akhir lawatan, minda mereka telah berubah—mereka tidak lagi bertanya sama ada projek ini boleh berjaya; sebaliknya mereka bertanya sejauh mana mereka boleh membawanya pergi. Perjalanan Nik Zulkifli menjadi bukti hidup tentang apa yang boleh dicapai melalui keberanian dan disiplin.



Lawatan ke ladang Hakimi Azrol Mohd Zaki di Pasir Mas mengukuhkan lagi pengajaran ini. Peserta mempelajari reka bentuk reban, pencahayaan, pengudaraan, dan amalan sanitasi yang meningkatkan produktiviti serta memastikan kebajikan haiwan terjaga. Kebersihan dan pengurusan yang teliti menjadi pengajaran nyata tentang tanggungjawab, menunjukkan bagaimana pengetahuan teknikal memberi kesan langsung kepada SDG 11 (Bandar dan Komuniti Mampan), keselamatan makanan, dan kemampanan secara keseluruhan.


Menjelang bulan keempat, para peserta tidak lagi melihat diri mereka sebagai penerima bantuan semata-mata. Mereka bercakap sebagai penyumbang yang yakin kepada ekonomi dan sistem makanan komuniti mereka. Sebagai Penyedia Solusi, saya menyaksikan bagaimana bimbingan, perkongsian

ilmu, dan galakan mampu mengubah potensi menjadi tindakan berkesan. Projek ini membuktikan bahawa pembangunan mampan bermula apabila orang ramai diperkasakan untuk mempercayai diri mereka sendiri—satu pengajaran yang turut bergema melalui SDG 4 dan SDG 5.

Perjalanan ini mengajar saya bahawa peranan saya bersama APPGM-SDG bukanlah untuk memimpin dari hadapan, tetapi untuk berjalan di sisi komuniti—menterjemah matlamat global menjadi pengalaman hidup. Pembangunan mampan bermula apabila manusia percaya mereka berkemampuan. Dan kadangkala, perubahan yang paling berkuasa bermula secara senyap—dengan pembelajaran, kepercayaan, dan keberanian untuk bermula.

*Oleh Yusmazida Mohd Yusoff
(Rakan Solusi APPGM-SDG)*

PENERBITAN TERKINI



Disebabkan ketiadaan dasar pelarian kebangsaan dan status Malaysia yang tidak menandatangani Konvensyen Pelarian 1951 serta Protokol Pelarian 1967, akses pelarian kepada penjagaan kesihatan asas, pendidikan, dan peluang ekonomi kekal sangat terhad. Kertas kerja ini mengkaji akses pendidikan bagi wanita Rohingya di Malaysia, yang merangkumi program latihan kemahiran dan pendidikan tinggi.



**BACA
SEKARANG**

Kertas kerja dalam Bahasa Inggeris

5 2 - 6 MAC 2026



MENITI JURANG PEMBANGUNAN: CABARAN INFRASTRUKTUR DAN SOSIOEKONOMI DI PARLIMEN SEPANGGAR



Parlimen Sepanggar, yang terletak di utara Kota Kinabalu, Sabah, sering dilihat sebagai kawasan yang mencerminkan wajah pembangunan pesat negeri ini. Diwakili oleh Ahli Parlimen YB Datuk Ts. Mustapha Sakmud, kawasan ini merangkumi tiga Dewan Undangan Negeri (DUN) utama iaitu Karambunai, Inanam dan Darau. Kepelbagaian landskapnya daripada kawasan pesisir pantai yang indah di Karambunai, kawasan berbukit yang menghijau, hingga ke penempatan padat di pinggir bandar menjadikan Sepanggar unik dari segi potensi dan cabaran. Kehadiran institusi penting seperti Universiti Malaysia Sabah serta Sepanggar Bay Container Port turut mengukuhkan kedudukannya sebagai hab pendidikan dan logistik yang strategik di Sabah.

Namun di sebalik naratif pembangunan ini, satu pemetaan isu yang dijalankan oleh pasukan APPGM-SDG Wilayah Sabah mendedahkan realiti yang lebih kompleks dan berlapis. Kajian lapangan yang dilaksanakan selama lima hari di sembilan kampung

terpilih menunjukkan bahawa pembangunan di Sepanggar masih tidak seimbang, dengan jurang ketara antara kawasan yang menerima limpahan pembangunan dan kawasan yang masih bergelut dengan keperluan asas. Dapatan ini bukan sahaja menggambarkan isu fizikal, tetapi juga menyentuh dimensi sosial, ekonomi dan tadbir urus yang saling berkait.

Di DUN Inanam, yang merangkumi Kg Talungan, Kg Bantayan dan Kg Ruminding, isu asas seperti jalan raya tidak berturap, akses pertanian yang terhad, serta gangguan bekalan air dan elektrik masih menjadi realiti harian penduduk. Kekurangan capaian internet dan fasiliti asas seperti lampu jalan serta sistem pengurusan sampah mencerminkan ketinggalan dari segi penyediaan perkhidmatan asas. Lebih membimbangkan, isu sosial seperti penyalahgunaan dadah serta konflik berkaitan tanah adat di Kg Bantayan menunjukkan bahawa cabaran pembangunan di kawasan ini bukan sekadar bersifat fizikal, tetapi turut melibatkan ketidakstabilan sosial dan ketidaktentuan hak milik yang berpanjangan.



Situasi di DUN Karambunai pula memperlihatkan bentuk keterpinggiran yang berbeza tetapi sama kritikal. Di kampung-kampung seperti Kg Pulau Sepanggar, Kg Unggun dan Kg Lawa Mondou, akses kepada bekalan elektrik dan air bersih masih belum menyeluruh, memaksa penduduk bergantung kepada generator, air graviti dan tadahan hujan. Keadaan ini bukan sahaja meningkatkan kos sara hidup, malah mendedahkan penduduk kepada risiko kesihatan. Tambahan pula, cabaran geografi seperti kebergantungan kepada pengangkutan bot, jalan pertanian yang tidak kondusif serta gangguan hidupan liar memberi kesan langsung kepada keselamatan dan sumber pendapatan penduduk. Dalam masa yang sama, isu penyalahgunaan dadah, kekurangan tapak perumahan dan kemudahan awam menggambarkan tekanan pembangunan yang tidak dirancang secara inklusif.

Di DUN Darau, cabaran lebih tertumpu kepada tekanan urbanisasi dan kepadatan penduduk. Kawasan seperti Kg Cenderamata Likas 2, Kg Rampayan dan Kg Kalansanan berdepan dengan isu setingan, kekurangan kemudahan awam, serta sistem perparitan yang tidak efisien sehingga menyebabkan banjir berulang. Gangguan bekalan air dan elektrik akibat sambungan haram, kehadiran penduduk bukan tempatan, serta peningkatan kes sosial seperti dadah dan denggi memperlihatkan kelemahan dalam pengurusan bandar pinggir. Pada masa yang sama, kebergantungan kepada sektor perikanan dengan pendapatan yang tidak menentu menambah lagi kerentanan ekonomi komuniti setempat.



Secara kritis, dapatan kajian lapangan ini menunjukkan bahawa isu di Parlimen Sepanggar tidak boleh dilihat secara terpisah atau bersifat sektoral semata-mata. Kelemahan dalam penyelarasan antara agensi, pelaksanaan projek yang tidak menyeluruh, serta penyelenggaraan yang tidak konsisten telah mewujudkan jurang pembangunan yang ketara walaupun kawasan ini berada berhampiran pusat bandar. Tambahan pula, kurangnya penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan telah menjejaskan kepercayaan rakyat terhadap institusi. Alasan faktor geografi yang sering digunakan untuk menjelaskan kelewatan pembangunan juga perlu dinilai semula, kerana pendekatan inovatif dan bersasar sebenarnya mampu mengatasi kekangan tersebut jika dirancang dengan teliti.

Oleh itu, masa depan Parlimen Sepanggar bergantung kepada sejauh mana pendekatan pembangunan dapat dirombak menjadi lebih inklusif, bersepadu dan responsif terhadap realiti lapangan. Keutamaan perlu diberikan kepada penyediaan keperluan asas secara menyeluruh, di samping memperkukuh tadbir urus dan memastikan penglibatan komuniti dalam setiap peringkat perancangan. Hanya melalui pendekatan yang adil dan berfokuskan rakyat, potensi sebenar Sepanggar sebagai kawasan strategik yang seimbang antara pembangunan moden dan kesejahteraan komuniti dapat direalisasikan.

*Oleh Mc Jeanet Lempisik @ Marx
(Pemangku Ketua Wilayah Sabah APPGM-SDG)*



3 MAC 2026



MEMPERKUKUH KERJASAMA DWIPARTISAN PEMBANGUNAN MAMPAN

Mesyuarat Jawatankuasa APPGM-SDG Bil 2/26 telah berjaya diadakan di Parlimen Malaysia pada 3 Mac 2026, yang menghimpunkan Ahli-ahli Parlimen dalam Jawatankuasa tersebut bersama pihak Sekretariat bagi satu perbincangan yang produktif dan bermakna.

Seramai enam orang YB telah hadir ke mesyuarat tersebut, bersama lapan staf Sekretariat termasuk Ketua Sekretariat, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria.

Kehadiran dan komitmen semua pihak mencerminkan tekad bersama untuk memperkukuh peranan APPGM-SDG sebagai platform dwipartisan dalam melokalisasikan matlamat pembangunan mampan di Malaysia.

Mesyuarat ini memberi tumpuan kepada perancangan strategik bagi tahun 2026, terutamanya usaha untuk memperluas penyempatan SDG di peringkat kawasan Parlimen.



Perbincangan tersebut menekankan pendekatan berasaskan komuniti, memperkasakan komuniti akar umbi, memperkukuh kerjasama antara pelbagai pihak berkepentingan, serta memastikan tiada sesiapa pun yang ketinggalan dalam proses pembangunan.

Mesyuarat berjalan dengan lancar dan menghasilkan output yang konstruktif. Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua YB atas kehadiran, sokongan berterusan, serta komitmen dalam memajukan agenda SDG demi kesejahteraan rakyat.

Bersama-sama, kita akan terus memperkukuh rangkaian, memperkasakan komuniti, dan memacu pembangunan yang inklusif serta mampan di seluruh negara.

Ahli Jawatankuasa APPGM-SDG yang hadir:

BIL	NAMA	JAWATAN
1	YB Puan Isnaraissah Munirah Majilis@Fakharudy	Pengerusi
2	YB Tuan Zahari Kechik	Setiausaha
3	YB Puan Young Syefura Othman	Ahli
4	YB Dato' Hajah Siti Zailah Mohd Yusoff	Ahli
5	YB Senator Isaiah a/l D.Jacob	Ahli
6	YB Senator Dr. Jufitri Joha	Ahli

Olej Arif Azhad Abdul Ghaffar
(Unit Komunikasi Korporat)



6 MAC 2026



KUASA EKOSISTEM: BERKONGSI MODEL PENYETEMPATAN SDG MALAYSIA DENGAN RAKAN KERJASAMA ASEAN

Akademi MySDG berbesar hati menjadi tuan rumah pada 6 Mac 2026 kepada delegasi yang menyertai Lawatan Pendidikan dan Pertukaran Pengetahuan Inisiatif Konvergensi Asia (ACI) ke-4 di Kuala Lumpur.

Delegasi tersebut terdiri daripada beberapa orang datuk bandar dan pegawai kerajaan tempatan dari Filipina, yang kini aktif memajukan agenda pembangunan mampan di bandar dan komuniti masing-masing.

Sepanjang sesi pertukaran tersebut, kami telah berkongsi pengalaman Malaysia dalam menyetempatkan SDG melalui ekosistem APPGM-SDG.

Keunikan model ini terletak pada cara institusi yang berbeza memainkan peranan yang saling melengkapi dalam ekosistem tersebut:

- APPGM-SDG berfungsi sebagai enjin kebangsaan yang memacu penyetempatan SDG, menghubungkan dasar dengan tindakan akar umbi.
- Akademi MySDG bertindak sebagai penggerak, membina kapasiti dan mengaktifkan penyertaan pelbagai pihak berkepentingan.
- Pusat MySDG untuk Keterangkuman Sosial berfungsi sebagai badan pemikir, menyediakan sokongan penyelidikan, cerapan dasar, dan hala tuju strategik.

Di bawah kepimpinan Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, ekosistem ini telah berkembang menjadi platform kolaboratif yang menghubungkan dasar, pengetahuan, dan tindakan komuniti, di samping

bertindak sebagai jambatan bagi perkongsian serantau.

Melalui sesi pertukaran seperti ini, kita bukan sahaja berkongsi pengalaman tetapi juga meneroka bagaimana rakan-rakan kerjasama ASEAN boleh bekerjasama untuk mempercepatkan pelaksanaan dan impak SDG.



Oleh Zoel Ng
(Akademi MySDG)



8 MAC 2026



MEMACU INKLUSIVITI: MENGHUBUNGKAN KEGUSARAN MASYARAKAT INDIA MALAYSIA DENGAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN

APPGM-SDG telah menganjurkan program bertajuk "Kajian Mengenai Kegusaran Masyarakat India Malaysia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)" pada 8 Mac 2026 di Ruang Komuniti MySDG, Petaling Jaya.

Sesi tersebut telah menghimpunkan seramai 62 peserta, termasuk penyelidik, ahli akademik, pemimpin komuniti dan NGO, aktivis, penulis buku, kakitangan APPGM-SDG, penyelarar tempatan, serta orang awam. Program ini menyediakan platform penting untuk membincangkan isu-isu utama yang memberi kesan kepada masyarakat India Malaysia, termasuk kepimpinan politik, kekusaran komuniti, serta penemuan daripada Kajian Kemiskinan Pelbagai Dimensi.

Kami amat berbesar hati dengan kehadiran barisan penceramah dan peserta terkemuka yang telah menyumbang cerapan serta perspektif yang bermakna, termasuk:

- YB Rajiv Rishyakaran, ADUN Gasing
- Datuk Ravin Ponniah, Bekas Pegawai Khas kepada Perdana Menteri
- Cik Kasthuriraani Patto, Setiausaha Hal Ehwal Antarabangsa DAP
- Dr. Velan Kunjuran, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Penyertaan dan sumbangan mereka telah memperkayakan perbincangan serta memperkukuh dialog mengenai pembangunan komuniti selaras dengan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG).

Sempena program ini, APPGM-SDG akan menganjurkan Persidangan Mengenai Kajian Komuniti India Malaysia dan Matlamat Pembangunan Mampan pada 12–13 Disember 2026.



Oleh Darshini Rawichandran
(Jabatan Pengurusan Projek)

9 11 - 12 MAC 2026



LAWATAN PROJEK APPGM-SDG PARLIMEN TUARAN: MENILAI IMPAK TRANSFORMASI EKONOMI DAN KELESTARIAN

Pada 11 hingga 12 Mac 2026, rombongan APPGM-SDG telah mengadakan lawatan projek Fasa 1 di Parlimen Tuaran untuk menilai impak projek komuniti yang menyokong transformasi ekonomi desa dan kelestarian alam sekitar. Lawatan ini melibatkan penerima manfaat, Rakan Solusi, serta pasukan pelaksana projek.

Agropreneur Cendawan & Kemahiran Hijau

Lawatan dimulakan dengan projek Transformasi Ekonomi Desa melalui Agropreneur Cendawan & Latihan Kemahiran Hijau yang memberi manfaat kepada 20 ahli komuniti. Para peserta berkongsi bahawa mereka berjaya menjana pendapatan tambahan antara RM20 hingga RM50 bagi setiap tuaian, dengan hasil harian mencecah 400 gram hingga 1 kilogram. Hasil tersebut dijual sama ada kepada Nurfirdaus Mushroom atau terus kepada pembeli tempatan.

Rombongan turut meninjau kilang pemprosesan bongkah cendawan Nurfirdaus, di mana 1,000 bongkah telah dikukus dan 600 lagi masih dalam proses penanaman oleh peserta. Bagi penerima manfaat yang telah menyiapkan rumah cendawan, 50

bongkah diagihkan pada peringkat awal, manakala baki 50 bongkah lagi akan diberikan secara berperingkat bagi membantu pengurusan tanaman. Sesi soal jawab di akhir lawatan membolehkan peserta berkongsi cabaran dan menerima panduan daripada pasukan projek serta rakan strategik.

Pengurusan Sisa dan Agroiintegrasi

Pada hari kedua, rombongan melawat dua lagi projek komuniti. Projek pertama ialah Zero Waste Kg. Gerinsing yang bertujuan memupuk amalan pengurusan sisa lestari, disertai oleh Puan Ruth selaku rakan solusi dan lapan ahli pasukan petugas (*Task Force*). Projek ini berjaya membangunkan sistem pentadbiran yang mendokumentasikan penggunaan dana, pembayaran pengurusan sampah, serta rekod pembayaran setiap rumah. Dari segi impak kesihatan, tiada kes denggi baharu dilaporkan di Kg. Gerinsing sejak projek dimulakan pada Januari. Penglibatan komuniti juga meningkat daripada 60 buah rumah kepada 80 buah rumah.



Lawatan seterusnya menumpukan kepada Projek Agroiintegrasi: Meningkatkan Pendapatan melalui Pisang dan Ikan Keli bersama En. Rayner sebagai rakan pelaksana. Projek ini berjaya mengekalkan kadar kematian ikan keli yang rendah melalui penggunaan sumber air graviti yang bersih. Walau bagaimanapun, pertumbuhan tanaman pisang didapati agak perlahan akibat faktor musim hujan.



Kesimpulan

Lawatan dua hari ini membuktikan bahawa projek komuniti yang disokong oleh APPGM-SDG bukan sahaja meningkatkan kemahiran dan pendapatan, tetapi juga menyumbang kepada kelestarian alam sekitar. Kejayaan ini menunjukkan bahawa pendekatan bersepadu antara penerima manfaat, Rakan Solusi, dan pasukan pelaksana mampu memacu transformasi komuniti secara mampan serta memberi inspirasi bagi pelaksanaan projek masa hadapan.



Oleh Nor Amirul Pukin
(Pegawai Pengurusan Projek Wilayah Sabah)

KAJIAN MENGENAI KEGUSARAN KOMUNITI INDIA MALAYSIA DAN MATLAMAT PEMBANGUNAN MAMPAN (SDG)

PANGGILAN ABSTRAK

Persidangan Pertama Anjuran APPGM-SDG mengenai Kajian Komuniti India Malaysia dan Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)

SUB-TEMA

- ✓ Kepimpinan Politik dan Perubahan Sosial dalam Komuniti India Malaysia
- ✓ Pemimpin Pemikiran dan Perspektif Intelek mengenai Pembangunan Komuniti
- ✓ Kemiskinan Pelbagai Dimensi dalam kalangan Komuniti India Malaysia

ABSTRAK

- ✓ Maksimum 300 patah perkataan
- ✓ Ditulis dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Melayu
- ✓ Nyatakan latar belakang, objektif, metodologi, dan penemuan utama dengan jelas
- ✓ Kaitkan dengan tema persidangan dan SDG
- ✓ Sertakan 3-5 kata kunci

EMEL PENGHANTARAN

appgmsdgianstudies@gmail.com

BACA GARIS PANDUAN
KERTAS PERSIDANGAN
DI SINI



10

12 MAC 2026



SOKONGAN DIRAJA TERHADAP TINDAKAN TEMPATAN: APPGM-SDG SEMBAH MAKLUM INTERVENSI DASAR KUALA NERUS KEPADA DYTM YANG DI-PERTUAN MUDA TERENGGANU

Duli Yang Teramat Mulia Yang Di-Pertuan Muda Terengganu, Tengku Muhammad Ismail Ibni Al-Wathiqu Billah Sultan Mizan Zainal Abidin berkenan berangkat bagi menerima persembahan taklimat daripada Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia Mengenai Matlamat Pembangunan Mampan (APPGM-SDG) bertempat di Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus pada 12 Mac 2026.

Sesi taklimat tersebut telah dipersembahkan oleh Ketua Sekretariat APPGM-SDG, Prof. Datuk Dr. Denison Jayasooria, Ketua Zon Pantai Timur, Dr. Siti Nur Ain, Timbalan Pengarah Jabatan Solusi Dasar, Dr. Wan Asiah Nurjannah serta Penyelaras Tempatan Kuala Nerus, Atikah Nor.

Dalam sesi tersebut, DYTM Yang Di-Pertuan Muda Terengganu telah diberikan penerangan mendalam mengenai peranan APPGM-SDG sebagai platform kolaborasi antara Parlimen dan masyarakat. Taklimat turut menyentuh aspek pembangunan mampan dan inklusif, serta perkongsian amalan terbaik melibatkan kerjasama komuniti akar umbi dalam menyelesaikan isu-isu tempatan melalui pemetaan isu di daerah Kuala Nerus.



Turut hadir menghadap ialah Pegawai Daerah Kuala Nerus, Tn. Haji Ahmad Azizi Zulkifli bersama pegawai-pegawai kanan Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Nerus.

Delegasi APPGM-SDG yang turut hadir termasuk Paniai selvam Jayaraman (Pengaruh Jabatan Solusi Dasar), barisan Penyelaras Tempatan, Masniza Eliyana, Hulu Terengganu & Dr. Rabeah Adawiyah Kemaman)

Semoga sesi ini menjadi pemangkin kepada kesejahteraan komuniti di Kuala Nerus selaras dengan agenda pembangunan mampan negeri.



Oleh Dr. Siti Nur Ain Zakinuddin
(Ketua Zon Pantai Timur)



Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Ahli-ahli Parlimen di atas kerjasama dan komitmen yang tidak berbelah bahagi. Sepanjang bulan ini, APPGM-SDG telah berpeluang untuk mengadakan sesi libat urus di pelbagai kawasan parlimen melalui pelbagai mesyuarat dan acara seperti penyerahan rasmi Laporan Awal Intervensi Dasar (kolaborasi antara Yayasan Hasanah dan APPGM-SDG), majlis rasmi dan banyak lagi. Kejayaan ini dicapai hasil daripada usaha dedikasi antara Ahli-ahli Parlimen dan APPGM-SDG. Kami amat menghargai sinergi antara dasar dan tindakan akar umbi ini, dan kami berharap dapat terus memperkukuh kerjasama ini demi memajukan Matlamat Pembangunan Mampaan di seluruh Malaysia.

BACA LAPORAN LAWATAN PEMETAAN ISU KAMI

Menampilkan lima kawasan parlimen tahun 2026:



Baca Sekarang







APPGM-SDG



**Persatuan Promosi Matlamat Pembangunan Lestari
(PPM-023-14-07012020)**

 A-1-10, Blok A, Pusat Perniagaan Seksyen 8, Jalan Sg. Jernih 8/1,
46050 Petaling Jaya, Selangor.

 secretariat@appgm-sdg.com

 <https://www.facebook.com/APPGMSDGMY>

 <https://appgm-sdg.com/>